

PERANAN MEDIA DALAM PENDIDIKAN: KAJIAN TERHADAP DRAMA MATAHARI TERBIT LAGI

Monika @ Munirah Abd Razzak¹, Nor Hizwani binti Ahmad Thohir¹, Nik Mohd Zaim Ab Rahim²

¹Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

²Universiti Teknologi Malaysia

munirahar@um.edu.my

Abstrak: Perkembangan media telah membawa banyak perubahan dalam setiap aspek kehidupan manusia. Media elektronik khususnya televisyen mempunyai tarikan istimewa kerana ia mempunyai pelbagai fungsi seperti pemerolehan maklumat, hiburan dan komersial kepada penonton. Secara umumnya, setiap rumah di Malaysia pasti memiliki televisyen kerana fungsinya dilihat penting dan popular sama ada diperolehi secara berbayar ataupun secara percuma. Kebanyakan stesen TV berlumba-lumba mewujudkan rancangan atau program berbentuk dwifungsi iaitu hiburan dan komersial. Dalam keghairahan tersebut, penerbit program agama tidak ketinggalan dalam menggunakan peluang ini untuk menghasilkan drama, filem dan program yang menepati syariat, meningkatkan ilmu pengetahuan dan mendidik jiwa. Maka lahirlah filem dan drama yang berunsur dakwah demi merealisasikan matlamat tersebut. Justeru artikel ini akan mengkaji peranan drama dakwah iaitu Matahari Terbit Lagi dalam aspek pendidikan. Drama Matahari Terbit Lagi ini adalah terbitan produksi milik pelakon Asyraf Muslim iaitu Al-Hidayah Production Sdn Bhd yang telah berjaya mengungguli lima trofi, Drama Terbaik, Pengarah Terbaik, Pelakon Lelaki Drama Terbaik, Lakon Layar Terbaik dan Video Grafik Terbaik pada malam kemuncak Anugerah Skrin 2014 (ASK 2014) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang mengaplikasikan metode observasi iaitu pemerhatian tanpa turut serta untuk mendapatkan data dan menggunakan metode analisis data seperti metode induktif, deduktif dan komparatif. Selain itu, analisis kandungan teks telah dilakukan ke atas drama ini untuk mengenal pasti mesej-mesej pendidikan seperti aqidah, syariah dan akhlak. Hasil kajian mendapati drama Matahari Terbit Lagi merupakan drama yang diterbitkan dengan begitu teliti dan sarat dengan mesej-mesej pendidikan yang mampu meningkatkan ilmu dan kefahaman masyarakat terhadap penghayatan agama Islam dalam kehidupan seharian. Drama ini juga boleh dianggap sebagai sebuah drama yang baik lantaran kurangnya watak dan babak yang keterlaluan.

Kata kunci: Media, Pendidikan, Drama, Aqidah, Syariah, Akhlak.


1.0 APA ITU MEDIA

Kamus Dewan (2007) mendefinisikan media dari segi bahasa sebagai alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen dan akhbar. Manakala dalam bahasa Arab, kalimah media diterjemahkan sebagai al-I'lam dari fi'il a'lam (أَعْلَمَ) yang bermaksud alat-alat penyebaran maklumat sama ada menerusi TV, radio dan sebagainya (Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah, 2008). Media berasal dari perkataan medium yang merujuk kepada

satu jalan atau cara di mana melaluinya komunikasi dapat dilakukan dan sebagai satu saluran untuk memberi maklumat (Alan Hancock, 1970). Christine Beckert (1992) pula memberi pengertian media sebagai satu kumpulan kerja yang disusun untuk menyampaikan mesej yang sama kepada kumpulan yang ramai pada masa yang sama.

Dalam sejarah Islam, penggunaan media bagi proses penyampaian maklumat mempunyai sandaran yang kuat. Ini dapat dilihat ketika Nabi Muhammad s.a.w. mengadakan perhimpunan besar di Hajj al-Wada', Baginda s.a.w. telah memilih tempat (lembah) yang sesuai bagi menempatkan transmitters di tempat strategik bagi melaungkan kembali ucapan Baginda agar setiap yang datang dapat mendengar. Baginda telah menggunakan transmitter sebagai medium yang canggih, sesuai dengan perkembangan manusia ketika itu bagi menyampaikan mesej kepada umatnya.(Zulkiple A. G.,1996)

Perkembangan media banyak dipengaruhi oleh faktor sosiopolitik dan ekonomi sejak sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan 31 Ogos 1957. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, perpisahan Singapura dari Malaysia pada 16 September 1965 serta kemajuan ekonomi telah mencorak dan memberi kesan kepada perkembangan industri surat khabar, televisyen dan radio serta membawa kepada penubuhan agensi (Mohd Yahya M. A., 2012). Kepelbagaian media elektronik seperti televisyen, radio, dan juga media baru telah menjadi suatu teknologi media masa kini yang diguna pakai oleh manusia di serata dunia. Oleh itu, kepesatan teknologi media elektronik ini telah memberi suatu kesan yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia dan ia boleh mendatangkan banyak faedah dan membantu dalam penyampaian maklumat pada era ini. Kepelbagaian media elektronik khususnya di Malaysia adalah seperti rajah di bawah:




Rajah 1:Kepelbagaian Media Elektronik

2.0 MEDIA PENYIARAN TELEVISYEN


Televisyen merupakan media penyiaran yang paling popular, mudah dan cepat bagi kebanyakan manusia. Di Malaysia, peranan televisyen juga sangat besar di samping menjadi wadah informasi. Banyak program dengan genre yang pelbagai telah disiarkan di layar kaca ini, dari

siang hingga ke malam. Bahkan rumah yang tidak mempunyai televisyen dianggap primitif dan terkebelakang penghuninya.

Apakah televisyen?, televisyen ialah alat yang memancarkan dan menerima gambar bergerak, sama ada monokrom (hitam putih) mahupun warna, lazimnya diiringi bunyi. Televisyen juga boleh bermaksud peti televisyen, rancangan televisyen atau pancaran televisyen. Perkataan televisyen terbentuk dari gabungan perkataan tele (jauh) dari bahasa Greek dan visio (penglihatan) dari bahasa Latin. Berikut adalah rajah yang menunjukkan sejarah pengenalan TV di seluruh dunia (Laydan Mortensen, 2008).



Rajah 2 : Tahun Pengenalan TV Mengikut Negara



Sejarah Penyiaran TV di Malaysia

Industri penyiaran negara bermula dengan perkhidmatan radio pada tahun 1951. Radio di Malaya memulakan siaran darurat dan siaran luar bandar dalam empat bahasa yang utama iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Pada dasarnya ia digunakan sebagai alat propaganda ahli komunis, tetapi ia terus digunakan untuk menghebahkan rancangan-rancangan pembangunan (Karthigesu, 1990). Menurut Kementerian Penerangan Malaysia (1997) sehingga tahun 1963, radio adalah satu-satunya media penyiaran di Malaysia hinggalah ia mencatat sejarah dengan pelancaran perkhidmatan televisyen (TV). Televisyen secara rasminya diperkenalkan pada 28 Disember 1963. Ia adalah satu rangkaian yang dikenali sebagai Rangkaian Pertama (Saluran Pertama atau TV1) dan disiarkan dalam hitam dan putih selepas 5 tahun kemerdekaan negara.

Selanjutnya penyiaran TV2 pula memulakan operasinya pada tahun 1969. Dalam tiga dekad terakhir, industri televisyen telah mengalami banyak kejayaan perubahan, terutamanya disebabkan pelbagai tanggapan terhadap politik, ekonomi dan ekonomi tempatan keadaan budaya (Karthigesu, 1994; Zaharom: 1996 & Juliana, 1997). Pada tahun 1983 dengan pengenalan Dasar Penswastaan, stesen TV komersial pertama, TV3 diperkenalkan yang menandakan permulaan era televisyen komersial. Selanjutnya dengan dasar liberalisasi kerajaan, bilangan pengendali saluran berkembang pada tahun 1990-an (Meor Zailan, 1992 & Juliana, 2010).

Selaras dengan kemajuan dalam teknologi, TV satelit diperkenalkan pada tahun 1996. Pada akhir tahun 2000, lebih banyak lesen telah diluluskan untuk membolehkan lebih banyak stesen radio dan televisyen swasta beroperasi. Ini memberi dorongan kepada pertumbuhan industri penyiaran tempatan. Stesen televisyen yang diperkenalkan pada tempoh ini termasuk

8TV, TV9 dan Fine TV. Dengan beratus-ratus saluran yang ditawarkan di Malaysia, ia pasti menggalakkan persaingan yang lebih besar di antara stesen televisyen yang berbeza untuk para penonton. Ini menjamin pendapatan dari sudut pengiklanan dan akhirnya memaksimumkan keuntungan untuk industri ini. Walaupun media berhak menyiarkan siarannya, tetapi pihak kerajaan akan memastikan pemimpinnya dapat mengekalkan status quo mereka, dan menetapkan parameter yang hanya membenarkan produk media selamat dalam industri penyiaran (Juliana et al, 2013).

Bentuk Rancangan Televisyen

Media penyiaran di Malaysia turut mengalami perkembangan dari semasa ke semasa. Terdapat sembilan stesen televisyen yang memainkan peranan penting sebagai alat hiburan dan pendidikan kepada masyarakat. Kesemua menyajikan rancangan-rancangan yang pelbagai kepada setiap lapisan masyarakat bermula dari kanak-kanak sehinggalah untuk orang dewasa. Rancangan atau program agama turut disajikan kepada khalayak masyarakat bagi tujuan pendidikan dan penyebaran ilmu.

Sebagai contoh di Malaysia kini sudah terdapat media penyiaran yang berobjektifkan semata-mata untuk penyebaran ilmu Islam iaitu TV Alhijrah, Astro Oasis, radio IKIM dan juga radio SALAM.fm. Keempat-empat media penyiaran ini memainkan peranan masing-masing dalam menggalas tanggungjawab bagi menyebarkan ilmu Islam kepada masyarakat. Hal ini selari dengan tujuan dan matlamat penubuhan bagi setiap media penyiaran tersebut dan keberadaan stesen televisyen dan radio Islam ini di Malaysia memudahkan masyarakat untuk memahami ilmu Islam itu sendiri yang ternyata merangkumi kesemua aspek kehidupan seperti akidah, syariah dan akhlak serta bagi mencapai matlamat akhir bagi seseorang Muslim itu iaitu mendapat keredhaan Allah SWT dan kesejahteraan kehidupan yang hakiki.

Sementara rancangan-rancangan yang berbentuk agama di radio dan televisyen pula didasarkan untuk memenuhi beberapa objektif seperti berikut (Muhammed Yusof, 2012):

- i. Untuk menguatkan akidah umat Islam supaya dapat mengelakkan daripada pengaruh ajaran yang bertentangan dengan Islam dalam konteks membasmi ajaran sesat.
- ii. Untuk memupuk semangat cintakan Allah, Rasul dan negara dalam konteks mukmin yang sebenar.
- iii. Memupuk semangat perpaduan, muhibah dan toleransi dalam konteks Islam agama untuk kesejahteraan.
- iv. Mendorong umat Islam kuat berusaha, berdikari dan mengejar setiap lapangan kemajuan dalam konteks Muslim yang kuat dan maju lebih diredhai oleh Allah dari Muslim yang lemah
- v. Memupuk nilai-nilai kerohanian yang murni supaya tidak dipesongkan oleh nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam dalam konteks kesempurnaan ajaran Islam dan tidak ada ajaran lain yang mengatasi kemampuannya
- vi. Untuk menyerap kepercayaan tentang keluhuran Islam dengan menekankan konsep 'al-din' atau 'The Way of Life' berasaskan agama Islam itu sentiasa sesuai dengan sebarang masa, keadaan dan tempat.

Lazimnya setiap rancangan agama adalah untuk menguatkan syiar Islam. Antaranya ialah untuk:

- i. Iktikad atau kepercayaan
- ii. Ibadat dan kemasyarakatan
- iii. Akhlak atau budi pekerti
- iv. Sejarah Islam
- v. Falsafah

Peranan Media Penyiaran

Komunikasi am melalui media kini memainkan beberapa peranan yang amat besar sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Setiap hari masyarakat akan terdedah kepada penggunaan media contohnya mendengar radio atau menonton televisyen. Maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa media memainkan peranan yang penting kepada masyarakat. Antaranya:

2.1.1 Sumber Maklumat kepada Masyarakat

Dalam menghuraikan peranan media, Marina Munira Mutalib et.al (2011) menjelaskan media massa memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan informasi atau memberikan maklumat yang berguna kepada masyarakat. Hal ini kerana media massa mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Bagi memastikan matlamat media informasi Islam tercapai maka setiap maklumat yang hendak disampaikan perlulah mematuhi kod etika media yang berlandaskan lunas-lunas syariat Islam. Peranan media dalam Islam mestilah menonjolkan prinsip yang selari dengan peraturan yang telah ditetapkan dalam Islam (Najidah & Abu Dardaa, 2014).

Media diibaratkan seperti jendela yang membuka luas dunia masyarakat. Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti bencana alam, peperangan dan sebagainya dapat diketahui dan diikuti dengan mudah dan cepat. Walaupun media massa turut memberi pengaruh yang negatif kepada masyarakat namun tidak dapat dinafikan bahawa media massa turut memberi sumbangan yang besar dalam menyalurkan ilmu pengetahuan terutamanya dari aspek pendidikan keagamaan. Tahap persepsi penonton yang tinggi terhadap program-program keagamaan di televisyen menjadikan televisyen sebagai medium utama untuk membantu masyarakat mendapatkan jawapan terhadap segala kemusykilan yang dihadapi oleh mereka Fatmawati. (2010).

Hal ini dapat dilihat melalui program-program agama yang ditayangkan secara langsung mendapat sambutan yang menggalakkan contohnya melalui program Pencetus Ummah terbitan Astro Oasis yang telah berjaya mencapai jumlah tontonan 5.5 juta (Harian Metro, 2014). Penonton mengemukakan segala masalah yang dihadapi melalui talian telefon yang disediakan bagi mendapatkan nasihat dari mereka yang pakar.

2.1.2 Agen Perubahan Masyarakat

Media juga berperanan sebagai agen perubahan budaya dalam sesebuah masyarakat (George Rodman, 2010). Contohnya perubahan bahasa yang digunakan dalam sesebuah masyarakat berlaku disebabkan oleh pengaruh perkembangan media massa yang berlaku pada hari ini. Jika diperhatikan penggunaan bahasa dalam media massa pada hari ini agak jauh berbeza dengan bahasa yang berbentuk formal digunakan oleh media massa sebelum ini. Walaupun radio dan televisyen mempunyai peranan yang hampir sama iaitu sebagai medium penyampaian maklumat namun masih terdapat perbezaan antara kedua-dua media ini. Televisyen terutamanya mampu meninggalkan kesan yang mendalam kepada penonton menerusi program seperti drama yang ditayangkan. Radio pula berkemampuan siarannya yang melewati batas geografi melebihi media massa yang lain. Malah radio mempunyai penonton yang jauh lebih ramai berbanding mana-mana media massa.

Justeru, pihak-pihak yang terbabit perlu mengkaji semula rancangan-rancangan yang hendak disiarkan supaya tidak menimbulkan gejala-gejala yang kurang sihat kepada golongan-golongan tertentu. Ini kerana, media massa sebagai medium penyampai maklumat mampu berperanan menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Rogers, E. dan Singhal, A. , 2000).

Penggunaan metodologi yang tepat dan betul mengikut kaedah yang diajarkan oleh al-Quran dan Sunnah menjadikan media massa boleh diguna pakai sebagai senjata dan kuasa yang mampu membentuk corak kehidupan dan pemikiran rakyat yang islamik. Justeru, pendakwah perlu bijak mengatur strategi agar gerak kerja dakwah yang dilaksanakan memberikan impak yang positif dalam diri setiap mad'u. Nabi Muhammad s.a.w. merupakan ikon dakwah terbaik kepada setiap pendakwah. Di awal penyebaran agama Islam, baginda s.a.w. mengambil langkah berhati-hati dalam menyebarkan Islam kepada masyarakat Arab Mekah, kerana baginda s.a.w. tidak mahu perancangan dakwah yang dirangka ditolak secara mendadak oleh masyarakat Mekah. Hal ini dapat dilihat melalui sikap baginda s.a.w. yang tidak terus menyampaikan dakwah secara terang-terangan kepada seluruh masyarakat Tanah Arab pada ketika itu sebaliknya menyebarkan mesej-mesej Islam kepada orang-orang yang terdekat sahaja.

2.1.3 Alat Hiburan kepada Masyarakat

Secara umumnya, para pengamal komunikasi bersetuju bahawa fungsi utama media massa ialah sebagai pemerhati, pentafsir, penghubung dan penghibur. Peranan sebagai penghibur adalah fungsi media yang paling popular. Media massa bertugas sebagai penghibur kepada masyarakat melalui program, sama ada berbentuk maklumat atau sekadar hiburan semata-mata (Mohd Baharudin et al, 2004). Menurut Pieter J. F. (2009) dalam bukunya yang bertajuk *Media Studies, Media History, Media and Society* menyatakan bahawa media merupakan agen hiburan kepada masyarakat.

“Entertainment has become a major if not a dominant function and activity of the mass media. On a daily basic we are confronted with numerous entertainment genres such a popular and serious dramas of different kinds, sports, game shows, quiz programmes and articles about people and their hobbies, their animals, their lives, their product, advertisement (which usually seek to amuse us), etc. Although this kind of media content has to purpose of entertaining us, they also inform and educated us, on a manifest and latent level about life and our societies”.

Hal ini turut disokong oleh Wright (2014) menerusi model yang dibinanya iaitu Model of Functions yang menyatakan salah satu peranan media adalah alat untuk menyampaikan maklumat dan hiburan kepada masyarakat.

In this model (Wright's model of functions) Wright argues that the main functions of the media are to inform and entertain people and that through such information and entertainment the media contribute either manifestly or latently to cultural growth for both individuals and society. However, this is as with many other functionalist models, a rather simplistic model, especially when it comes to the political functions of the media.

2.1.4 Mempengaruhi Masyarakat dalam Membuat Keputusan

Media turut berperanan mempengaruhi masyarakat dalam melakukan sesuatu keputusan. Media sebagai sumber maklumat mempunyai pengaruh yang cukup kuat dalam membantu masyarakat untuk membuat sesuatu keputusan. Ia bergantung sepenuhnya kepada pemilihan media yang dilakukan oleh masyarakat (Carlson, J. R. & Zmud, Robert W., 1999). Contohnya ketika berlangsung pilihan raya di sesebuah tempat, media bertanggungjawab untuk mempromosikan parti politik yang bertanding agar rakyat dapat membuat pilihan yang tepat terhadap parti yang layak untuk menang.

Jika ditinjau kembali kepada peranan media Islam, tidak ramai golongan cendekiawan Islam yang membahaskan tentangnya (Mohd Yusof, 1998). Walau bagaimanapun, terdapat

beberapa orang intelektual Muslim seperti Muhammad Kamal Hassan, Imtiaz Hasnain, Dilnawaz Siddiqui dan Merrly Wyn Davies yang telah membentangkan pandangan mereka di beberapa buah seminar dan bengkel tentang bagaimana orang Islam seharusnya memanfaatkan alat-alat media bagi tujuan dakwah (Zulkiple, 2001). Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Menangkis segala tohmahan yang dilemparkan oleh musuh-musuh Islam.
- ii. Mewujudkan sebuah masyarakat yang berpegang kepada ajaran yang benar
- iii. Agen yang menyeru ke arah kebaikan.

3.0 DRAMA DAN FUNGSINYA

Menurut Tjokroatmojo (1985), drama berasal daripada bahasa Yunani, dran atau draomai yang bererti gerak. Bukan gerakan tubuh badan tetapi gerakan yang halus, gerakan seni yang membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan. Di Yunani, gerakan ini dihubungkan dengan tarian, nyanyian, dan lakonan yang membawa cerita nyata atau simbolik.

Manakala Rahmah Bujang (2015) pula mentafsirkan drama sebagai satu bentuk seni yang bersifat dramatik, iaitu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambat. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu memikat emosi pembaca atau penonton. Drama adalah karya yang dramatik kerana pengutaraan kisahnya seolah-olah menjawab persoalan-persoalan yang menarik perhatian, persoalan yang dramatik dari awal hingga akhir.

Dalam konteks Malaysia, drama televisyen seolah-olah menjadi salah satu sumber utama hiburan bagi penonton. Drama pada era 80-an dan 90-an biasanya diimport dari Amerika, Hong Kong, Taiwan, China dan Jepun. Namun bermula tahun 2000, Malaysia juga mengimport drama dari bahagian lain iaitu dari Asia dan Amerika Latin. Drama yang diimport itu disiarkan bersama drama tempatan yang mempunyai kadar rating penonton yang tinggi (Karthigesu, 1994; Md Azalanshah, 2011).

Kini, industri drama semakin berkembang. Kemunculan ramai penerbit-penerbit baru yang cuba untuk mengetengahkan bakat mereka dalam seni pengarahan drama merupakan antara faktor perkembangan industri seni drama di Malaysia. Drama dakwah merupakan salah satu genre drama yang sedang mendapat perhatian ramai. Drama dilihat sebagai media alternatif kepada pendakwah untuk menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat.


Pengaplikasian drama sebagai wasilah bagi menyampaikan mesej dakwah semakin popular dan pengaruhnya begitu kuat terhadap penonton. Menurut Asiah Sarji (2009), masyarakat menerima drama sebagai sebuah medium yang merakam semula realiti sesebuah bangsa. Ia juga menjadi alat propaganda yang paling berkesan bagi sesebuah negeri. Maka, tidak hairanlah sekiranya setiap drama yang ditayangkan sudah pasti mempunyai kelompok penontonnya yang tersendiri.

Kelebihan medium drama ini seharusnya dilihat sebagai sebuah peluang positif yang perlu direbut oleh setiap golongan pendakwah. Gabungan kepakaran antara golongan agama dan ahli sastera sudah pasti dapat menghasilkan sebuah karya seni yang dapat memberi mesej yang bermanfaat kepada penonton sekali gus membantu memartabatkan karya seni Islam (Rosmawati M. R. & Md Rozalafri J., 2011). Justeru pendekatan dakwah yang menggabungkan kepakaran dari pelbagai bidang dan sarat dengan mesej adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian untuk mencapai tahap keberkesanan yang maksimum.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melakukan kaedah penontonan dan analisis kandungan. Metode penontonan dipilih untuk kajian ini bertujuan mengamati jalan cerita serta

menganalisis unsur-unsur pendidikan yang terdapat di dalam drama Matahari Terbit Lagi. Analisis kandungan drama Matahari Terbit Lagi dilakukan berdasarkan model yang telah dirangka bagi mengenal pasti unsur pendidikan yang ada di dalam sesebuah drama berunsurkan dakwah. Rajah 3 di bawah menunjukkan model pembinaan drama dakwah serta unsur-unsur yang terdapat di dalamnya.



Rajah 3 : Model Drama Dakwah

5.0 SINOPSIS DRAMA MATAHARI TERBIT LAGI

Matahari Terbit Lagi merupakan sebuah drama terbitan syarikat Al-Hidayah Production yang telah berjaya memenangi Drama Terbaik di Anugerah Skrin 2014. Drama arahan Azeli Mohammad ini dibintangi oleh Anuar Chew Abdullah (Simon), Akid Lema Tay Abdullah (Haikal), Adam Corrie Lee Abdullah (Goon), Mohd Harminder Singh (Rajindran), Azhan Rani (Pengurus) dan Fiqree Bakar (Pengarah).

Drama ini mengisahkan Alina seorang mualaf yang baru kematian suaminya iaitu Faizal. Setelah kematian Faizal, Alina berusaha untuk mencari sumber pendapat bagi menampung kos kehidupan keluarganya. Berkat kesungguhan Alina, akhirnya Alina berjaya memperoleh pekerjaan sebagai Eksekutif Jualan di sebuah syarikat jualan kereta. Kesibukan Alina menyebabkan Alina terpaksa membawa Haikal datang ke pejabatnya setelah tamat waktu persekolahan. Tambahan pula Alina tidak mampu untuk mengupah orang gaji untuk menjaga Haikal.

Musim cuti persekolahan yang hampir tiba menambahkan kerunsingan Alina kerana memikirkan siapa yang akan menjaga Haikal. Alina akhirnya mengambil keputusan untuk menghantar Haikal tinggal bersama dengan bapanya, Simon. Hubungan Alina dan Simon agak renggang setelah Alina mengambil keputusan untuk berkahwin dengan Faizal. Simon berhasrat untuk mengahwinkan Alina dengan lelaki yang kaya kerana tidak mahu Alina hidup dalam kesusahan. Walaupun Alina menyedari Simon masih marah kepadanya, Alina sentiasa berusaha untuk mengetahui keadaan bapanya. Namun, Simon tidak pernah menjawab panggilan Alina.

Pada awalnya, Simon agak keberatan untuk menjaga Haikal kerana masih menyimpan perasan marah kepada Alina. Namun menyedari Haikal adalah cucunya, Simon berusaha untuk menerima kehadiran Haikal. Simon mula mempelajari rutin harian Haikal sebagai seorang Muslim. Simon akan merujuk kepada rakan-rakannya yang beragama Islam untuk bertanya setiap perkara yang tidak diketahuinya. Haikal merupakan seorang anak yang baik dan sentiasa

mendengar nasihat ibunya. Walaupun tinggal berjauhan dari ibunya, Haikal tidak pernah meninggalkan kewajibannya sebagai seorang Muslim.

Lama-kelamaan hubungan Simon dan Haikal semakin erat. Simon sentiasa membawa Haikal ke mana-mana sahaja kerana bimbang dengan keselamatan Haikal jika dibiarkan keseorangan di rumah. Semakin hari Simon semakin sayang kepada Haikal. Setiap permintaan Haikal akan cuba dipenuhi. Tambahan pula, mereka mempunyai minat yang sama dalam bidang seni lukisan. Di samping itu juga Simon sentiasa memberi nasihat dan teguran agar Haikal menjadi anak yang baik dan berjaya di masa hadapan. Apabila Alina datang untuk mengambil kembali Haikal, Simon dan Haikal kelihatan sedih seolah-olah tidak mahu berpisah. Akhirnya Alina mengambil keputusan untuk membiarkan Haikal tinggal bersama-sama datuknya sehingga tiba waktu persekolahan.

6.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis yang dilakukan mendapati drama Matahari Terbit Lagi merupakan sebuah drama yang menepati konsep drama dakwah. Penyampaian mesej lebih berkisar kepada realiti yang dihadapi oleh golongan muallaf untuk mengatasi konflik kehidupan sama ada dengan keluarga, tempat kerja, atau persahabatan selepas memeluk agama Islam. Umat Islam perlu sentiasa bersedia untuk membimbing golongan bukan Islam untuk mengenali keindahan agama Islam agar dapat menangkis perseptif negatif mereka terhadap Islam. Di samping itu juga, drama ini turut memberi galakan kepada golongan muallaf untuk lebih tabah dan cekal untuk mendalami ilmu agama Islam walaupun berhadapan dengan pelbagai ujian hidup. Garapan idea penulis skrip yang kreatif menyebabkan mesej drama ini lebih mudah untuk difahami dan berjaya menyentuh hati penonton.

Ketelitian pengarah pula dapat dilihat dalam memastikan jalan cerita menepati konsep patuh syariah. Lakonan yang dimainkan oleh setiap watak juga wajar dicontohi oleh setiap lapisan khalayak. Tegasnya, drama Matahari Terbit Lagi merupakan sebuah drama yang wajar dijadikan panduan kepada mana-mana golongan karyawan yang ingin menerbitkan drama yang berunsurkan dakwah kepada masyarakat.

Secara umumnya, mesej pendidikan dapat dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu mesej akidah, akhlak dan syariah.

Jadual 1.0: Mesej Pendidikan dalam Drama Matahari Terbit Lagi

Akidah	Syariah	Akhlak
Ketuhanan	Ibadah Khusus	Peribadi Muslim
Malaikat	Ibadah Umum	Pembangunan Ummah
Kerasulan		
Kitabullah		
Hari Kiamat		
Qada' Dan Qadr		

Observasi (2015)

Analisis dapatan kajian secara terperinci dipaparkan seperti berikut:

Akidah

Penerapan nilai akidah telah diberi perhatian oleh penulis skrip drama ini kerana ia merupakan asas yang perlu diperkukuhkan dalam diri setiap umat Islam. Pemahaman asas akidah Islam bermula dengan kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan sekalian alam, Rasul, Malaikat, Kitab-kitab, Hari Kiamat serta Qada' dan Qadar. Abdul Karim Zaydan (2002) menyatakan bahawa keyakinan tersebut lahir secara rela sebagaimana konsep Islam iaitu ketundukan,

penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah sebagai tuhan sekalian alam dan ketundukan kepada sunnatullah dengan penuh kerelaan. Analisis yang dilakukan terhadap drama ini mendapati terdapat beberapa mesej akidah yang digunakan. Antaranya:

6.1.1 Keyakinan kepada Allah

Asas utama yang perlu diyakini oleh setiap umat Islam adalah kepercayaan kepada Allah sebagai tuhan sekalian alam. Menurut Imam al-Ghazali (2003), Islam mendidik umatnya untuk sentiasa meletakkan pergantungan sepenuhnya kepada Allah. Selain itu, setiap usaha yang dilakukan perlu disusuli dengan doa sebagai tanda seseorang itu masih mempunyai harapan yang baik terhadap Allah. Babak drama pada minit ke 58:40 memaparkan watak Alina sentiasa meletakkan pergantungan dan harapannya kepada Allah melalui solat. Setiap kali selepas solat beliau akan berzikir dan berdoa memohon kekuatan untuk menghadapi segala ujian yang dihadapi. Alina menyedari bahawa doa tanpa usaha sudah pasti tidak akan membuahkan apa-apa hasil. Justeru itu, Alina berusaha mencari pekerjaan agar dapat meneruskan kehidupan.

6.1.2 Meyakini kewujudan Nabi

Keimanan kepada Nabi bererti meyakini kewujudan para Nabi sebagai utusan Allah yang bertanggungjawab untuk menyeru kepada seluruh umat manusia agar mentaati segala perintah Allah. Keyakinan terhadap para Nabi ini perlu dipupuk sejak dari awal proses pembelajaran kanak-kanak kerana menurut Abdullah Nasih Ulwan (t.t.), salah satu usaha untuk membangunkan aspek keimanan dalam diri kanak-kanak adalah mendidik mereka untuk mengenali dan mencintai para Rasul.

Watak Alina sebagai ibu kepada Haikal di dalam drama ini perlu dijadikan contoh kepada masyarakat kerana mendedahkan anaknya dengan kisah kehidupan para Nabi sejak dari awal lagi. Alina mahu anaknya menjiwai watak dan perwatakan para Nabi agar menjadi hamba yang dicintai Allah. Usaha Alina membelikan Haikal sebuah buku yang mengisahkan sejarah kehidupan para rasul. Ternyata usaha Alina memberikan kesan positif dalam diri Haikal. Setiap kali sebelum tidur, Haikal akan membaca buku tersebut kerana bersemangat untuk mencontohi keperibadian utusan Allah.

Simon : Nak tanya sikit, Haikal ada simpan sebuah buku. Kata dia, mak dia selalu bacakan dia buku itu. Depan buku itu, ada tulis nabi.

Goon : sebenarnya, nabi adalah utusan Tuhan. Jadi umat Islam akan selalu mencontohi nabi- nabi dalam berbuat baik.

6.1.3 Mempercayai al-Quran sebagai kitab Allah

Meyakini al-Quran sebagai kitab Allah merupakan salah satu yang perlu dilakukan oleh setiap umat Islam. Ia diturunkan sebagai panduan kepada manusia agar tidak tersasar dari landasan syariat Islam. Drama Matahari Terbit Lagi mendidik masyarakat agar sentiasa berusaha mempelajari dan mengamalkan segala yang terkandung di dalam al-Quran. Alina yang memainkan watak sebagai seorang muallaf sentiasa berusaha untuk mendalami ilmu al-Quran untuk menjadi seorang Muslim yang bertakwa. Babak drama pada minit ke 41:50 memaparkan situasi Alina yang menghadiri kelas pengajian al-Quran bagi memantapkan lagi tahap bacaannya setiap kali selepas pulang dari pejabat,. Selain itu, minit drama ke 57:00 menunjukkan Alina menjadikan bacaan al-Quran sebagai halwa telinganya ketika sedang bekerja. Minat Alina yang suka mempelajari al-Quran juga turut diikuti oleh Haikal. Semasa tinggal bersama dengan datuknya, Haikal berasa sedih kerana tidak dapat menghadiri kelas pengajian Al-Quran.

Kesediaan Goon untuk mengajar al-Quran kepada Haikal pada babak drama minit ke 53:00 menyebabkan Haikal berasa sangat gembira.

Goon : datang sini tak mengaji ke?

Haikal : tak. Kalau Haikal dekat sini sapa yang nak mengajar Haikal mengaji?

Goon : Pak Cik boleh.

Haikal : betul ke? Nanti pak cik mengajar Haikal mengaji boleh?

Goon : Boleh insya Allah. Nanti pak cik bagi tahu atuk ya?

Haikal : Okay.

Syariah

Perundangan hukum dalam syariah Islamiyah adalah bertujuan untuk memelihara dan melindungi kepentingan akal, agama, harta, nyawa, dan keturunan manusia. Setiap peraturan yang ditetapkan bersesuaian dengan tempat, bangsa dan zaman. Terdapat beberapa mesej syariah yang disampaikan melalui drama Matahari Terbit Lagi iaitu:

6.1.4 Menunaikan solat

Kewajipan menunaikan solat telah banyak dinyatakan di dalam Al-Quran. Ia melambangkan pengakuan seorang hamba kepada kekuasaan Allah sebagai Tuhan sekalian manusia. Firman Allah:

Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Surah Nisa' 4:103

Perwatakan seorang Muslim yang taat kepada perintah Allah digambarkan melalui perwatakan Haikal dan Alina yang sentiasa menunaikan solat fardu 5 kali sehari. Babak drama pada minit ke 09:56 menunjukkan situasi Alina menunaikan solat fardu secara berjemaah dengan Haikal. Alina melatih Haikal untuk sentiasa mendirikan solat secara berjemaah dengan melantik Haikal sebagai imam di dalam solat. Walaupun Haikal tinggal bersama datuknya di kampung, Haikal sentiasa menunaikan solat. Babak drama pada minit ke 48:12 memaparkan situasi Haikal yang mengingatkan datuknya bahawa dia perlu ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat. Ini menunjukkan bahawa Haikal telah memahami dengan baik kewajibannya sebagai seorang Muslim.

Haikal: Atuk hari ini hari Jumaat.

Simon: hari Jumaat ada apa?

Haikal: Hari jumaat kena pergi solat Jumaat.

Simon: pukul berapa?

Haikal: 1.

Simon: hm..iyalah..naik motor dulu.

6.1.5 Mencari rezeki yang halal

Islam juga turut memerintahkan setiap umatnya agar mencari rezeki dari sumber yang halal sama ada dalam bentuk makanan, wang, dan lain-lain lagi. Perintah ini jelas diterangkan menerusi firman Allah yang bermaksud:

Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu

beriman.

Surah al-Ma'idah 5:88

Babak drama pada minit ke 15:25 menggambarkan perwatakan Haikal yang mengamalkan setiap apa yang telah diajarkan oleh ibunya, Alina. Ketika Simon mengajak Haikal untuk makan tengah hari, Haikal tidak mahu makan kerana Alina sudah berpesan agar tidak makan makanan yang dimasak oleh Simon.

Alina: Pa, Alin terlupa nak pesan tadi. Haikal tak makan semua makan itu.

Simon: Kenapa tak boleh makan. Ayah yang masak makanan ini.

Alina: Dia kena makan ayam yang disembelih dengan cara Islam.

6.1.6 Menjaga nyawa dan keselamatan

Tanggungjawab memelihara keselamatan diri sangat dititikberatkan di dalam Islam. Manusia diperintahkan agar memelihara diri mereka dari sebarang perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri mereka sendiri. Ia jelas dinyatakan di dalam surah an-Nisa' ayat 129:

... Dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Penulis skrip menggambarkan kepentingan menjaga nyawa dan keselamatan melalui watak Alina yang sering cuai dan mudah panik dalam melakukan sesuatu perkara. Contohnya pada babak drama minit ke 05:00 dan 09:55 yang menunjukkan sikap Alina yang suka meletakkan kenderaannya di tempat yang dilarang menyebabkan beliau telah dikenakan saman oleh pihak berkuasa beberapa kali. Penulis skrip juga turut memaparkan mesej tentang kepentingan pengurusan masa dalam kehidupan seharian. Mesej ini digambarkan melalui pengurusan masa Alina yang lemah juga menyebabkan beliau sering lewat dan tergepoh gapah masuk ke pejabat. Babak drama pada minit yang ke 36:28 pula menunjukkan Alina sentiasa melakukan kesalahan jalan raya seperti meletakkan kenderaannya di tempat yang dilarang sehingga mendatangkan kesusahan kepada pengguna jalan raya yang lain.

Akhlak

Akhlak merupakan asas kepada pembinaan sesebuah masyarakat dan negara. Kepincangan akhlak sesebuah bangsa akan menyebabkan lahirnya generasi yang bermasalah. Justeru itu, Allah mengutuskan Rasulullah s.a.w. bagi menyempurnakan akhlak manusia agar menjadi umat yang terbaik. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya di antara mereka”

(HR. Ahmad, Abu Daud, al-Tirmidhi, dan al-Hakim)

Penerapan mesej akhlak seharusnya diberi penekanan di dalam mana-mana drama yang membawa konsep dakwah kerana ia lebih mudah untuk difahami dan diamalkan oleh penonton. Abdul Karim Zaydan(1980) menjelaskan bahawa akhlak Islam mengajak manusia melakukan segala bentuk akhlak mulia dan memelihara keperluan manusia yang inginkan kesejahteraan dan ketelusan dalam kehidupan. Terdapat beberapa mesej akhlak yang diaplikasikan menerusi drama Matahari Terbit Lagi. Antaranya:

6.1.7 Menghormati ibu bapa

Islam mendidik umatnya untuk sentiasa menghormati ibu bapa walau apa keadaan sekali pun. Pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa untuk membesarkan anak-anak mereka tidak dapat dinilai sama sekali. Perintah ini dinyatakan di dalam surah Luqman ayat 14:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Mesej menghormati ibu bapa jelas dipaparkan di dalam drama ini bagi menggambarkan permasalahan yang berlaku dalam kalangan mualaf setelah mereka memeluk agama Islam. Hasil kajian yang dilakukan mendapati antara cabaran paling besar yang dihadapi oleh golongan mualaf adalah tekanan psikologi dari keluarga (Nur Athiroh et al, 2009). Ramai dari kalangan mualaf yang menghadapi masalah untuk berkomunikasi dengan keluarga mereka setelah memeluk agama Islam. Penekanan mesej tentang cabaran mualaf di dalam drama boleh dijadikan sebagai satu inisiatif kepada golongan mualaf yang berhadapan dengan masalah yang sama.

Walaupun berbeza agama, Alina masih menghormati Simon sebagai bapanya. Babak drama pada minit ke 07:03 menunjukkan Alina sentiasa berusaha menghubungi bapanya untuk bertanya khabar namun Simon tidak pernah menjawabnya. Selain itu, perwatakan Haikal yang sentiasa mentaati setiap apa yang dikatakan oleh ibunya wajar dijadikan pedoman oleh penonton. Hal ini jelas dinyatakan di dalam surah Luqman ayat 14. Firman Allah:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Ayat ini menjelaskan kewajipan seorang anak untuk berbakti kepada kedua-dua ibu bapa yang telah banyak berkorban untuk membesarkan anak-anak. Abdullah Nasih Ulwan (t.t.) menyatakan antara kewajipan seorang anak selain daripada mentaati perintah kedua ibu bapa adalah berusaha untuk berbakti kepada kedua orang tua mereka. Sikap Haikal yang tidak pernah meninggikan suara ketika bercakap dengan ibunya telah menggambarkan perwatakan Haikal sebagai seorang anak yang soleh.

Haikal : Umi, esok dah mula cuti sekolah. Kita pergi jalan-jalan nak?

Alina : Haikal sayang Umi tak? Kalau Haikal sayang Umi, Haikal kena jadi anak yang baik. Haikal kena dengar cakap Umi. Esok, Umi nak hantar Haikal pergi rumah Atuk. Masa cuti sekolah Haikal duduk dengan atuk. Nanti kalau Umi kerja siapa yang hendak jaga Haikal dekat rumah?

Haikal : Kalau Haikal ikut Umi pergi kerja tak boleh?

Alina : Tak boleh. Umi kena keluar jumpa klien.

Haikal : Atuk kenal Haikal?

Alina : (menggeleng kepala) Tak apalah esok Umi kenalkan atuk dengan Haikal.

Haikal : Atuk garang tak?

Alina : Ish tak adalah.

Haikal : Kalau Haikal rindu Umi macam mana?

Alina : Kalau Haikal rindu Umi, nanti Umi beli telefon untuk Haikal. Kalau Haikal rindu, Haikal call jew Umi. Ok?

Haikal : (mengeluh)

Alina : Haikal nak jadi anak yang baikkann? Nak masuk syurga kan? Haikal kena tolong Umi ya.

Haikal : (mengangguk).

6.1.8 Saling tolong –menolong antara satu sama lain

Sifat saling tolong-menolong merupakan salah satu sifat yang sangat digalakkan oleh Islam. Semangat kejiranan yang tinggi menyebabkan mereka lebih mudah untuk menghulurkan pertolongan kepada jiran-jiran di sekitar mereka. Sifat ini ditonjolkan melalui watak Goon yang merupakan salah seorang sahabat Simon pada minit ke 31:20 yang datang membawa peralatan memasak yang baru agar Simon tidak menggunakan kuili yang telah digunakan sebelum ini untuk masak makanan kepada Haikal.

Goon : Bukan sahaja ayam mesti cari yang halal, bekas makanan dan masakan pun mesti diasingkan. Tak apalah, nanti lepas kerja saya akan ke rumah pakcik dan tunjukkan apa yang patut.

Simon : Terima kasih! Nanti bolehlah kau bawa ayam seekor.

Goon : Baiklah.

6.1.9 Menghargai pengorbanan ibu bapa

Sebagai seorang anak, kita seharusnya sentiasa berusaha untuk berbakti kepada ibu bapa sebagai tanda membalas jasa dan pengorbanan mereka untuk membesarkan dan mendidik anak-anak. Babak drama pada minit ke 44:34 menunjukkan situasi Alina mengimbas kembali kenangan bersama ibu bapanya sewaktu masih kecil lagi. Alina tidak pernah melupakan segala pengorbanan dan kasih sayang yang telah dicurahkan oleh ibu bapanya sejak dari kecil lagi. Namun sejak memeluk agama Islam, hubungan Alina dan ayah sudah menjadi renggang. Walau bagaimanapun Alina tetap berusaha untuk menghubungi ayahnya kerana tidak mahu hubungan mereka sebagai sebuah keluarga terputus hanya kerana Alina telah memeluk agama Islam.

Alina : Alin selalu SMS papa tapi papa tak balas. Alin nak minta tolong dengan papa.

Simon : Bila dah susah baru teringat nak balik.

Alina : Semasa Abang Faizal masih hidup, dia selalu ajak Alin balik tapi Alin takut ayah marah.

Simon : Memanglah ayah marah tapi bukan sebab kamu kahwin dengan orang Islam! Ayah marah sebab kamu tak nak dengar cakap ayah! Suruh kahwin dengan orang senang kamu tak nak. Tengoklah sekarang betapa susahnyanya hidup kamu.

Kehadiran Haikal ke rumah datuknya juga telah banyak membantu mengeratkan hubungan Alina dengan ayahnya. Setiap kali Alina menelefon Haikal, Alina pasti akan bertanya khabar ayahnya melalui Haikal.

Alina : Atuk tengah buat apa?

Haikal : Tengah cuti motor.

Alina : hai malam-malam macam ini pun cuci motor?

Haikal : mestilah. Atuk kan suka cuci motor.

Alina : atuk sihat tak?

Haikal : atuk, Umi tanya Atuk sihat tak?

Simon : Mestilah sihat, kalau tak sihat macam mana mahu cuci motor.

Haikal : Atuk kata dia sihat. Umi rindu atuk tak?

Alina : Rindu sangat-sangat. Nanti Umi telefon Haikal lagi ya. Haikal jaga diri baik-bai tau kat sana. Assalamualaikum.

Haikal: Waalaikumussalam.

Selain itu, babak drama minit ke 01:06:47 menunjukkan Haikal berazam untuk menjadi seorang yang berjaya setelah dewasa nanti agar dia dapat membalas jasa ibunya yang telah banyak bersusah payah mencari rezeki untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga.

Haikal : Suara Umi macam penat je.

Simon : mestilah. Awak ingat senang ke nak cari makan. Jadi sekarang you kena belajar baik-baik. Lain kali tolong mak ok.

Haikal : (mengangguk dengan semangat)

6.1.10 Sentiasa berterima kasih

Minit ke 01:01:06 memaparkan babak Simon membelikan Haikal ais krim dan warna krayon yang baru kerana warna krayon miliknya telah habis. Haikal berasa sungguh gembira dan terharu lalu memeluk Simon dan mengucapkan terima kasih. Mengucapkan terima kasih merupakan salah satu sifat yang sangat dipuji di dalam Islam kerana ia melambangkan tanda penghargaan kepada seseorang atas kebaikan yang dilakukan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

Siapa yang tidak pandai bersyukur (berterima kasih) kepada manusia, bererti ia belum bersyukur kepada Allah. Abu Isa berkata; Ini adalah hadis hasan sahih.

Hadis Riwayat Tirmizi

6.1.11 Berusaha menuntut ilmu

Alina menyedari dirinya yang masih lagi kekurangan ilmu agama Islam. Oleh itu, dia selalu pergi berjumpa dengan seorang guru agama pada setiap petang bagi memperbaiki bacaan al-Quran. Ia ditonjolkan menerusi babak drama pada minit ke 42:10. Babak drama pada minit ke 43:53 juga menunjukkan situasi Alina mendengar kuliah-kuliah agama di kaca televisyen pada waktu lapang. Kesibukannya bekerja menyebabkan beliau tidak sempat menghadiri kuliah-kuliah agama yang diadakan di sekitar tempat tinggalnya. Maka Alina mengambil inisiatif untuk menjadikan televisyen sebagai salah satu sumber untuk mempelajari ilmu agama. Islam mendidik umatnya agar sentiasa berusaha untuk menuntut ilmu agar manusia tidak menjadi golongan yang jahil. Sabda Rasulullah s.a.w.:

“Barang siapa yang menghendaki kehidupan dunia maka wajib baginya memiliki ilmu, dan barang siapa yang menghendaki kehidupan Akhirat, maka wajib baginya memiliki ilmu, dan barang siapa menghendaki keduanya maka wajib baginya memiliki ilmu”.

Hadis Riwayat Tirmidhi

7.0 PENUTUP

Media merupakan suatu alat pertembungan idea yang akan memberikan kesan yang besar kepada masyarakat sama ada yang membawa kebaikan atau keburukan. Ia juga bergantung pada mereka yang menggunakan media tersebut sama ada menggunakannya sebagai alat menyampaikan dakwah kepada masyarakat ataupun tidak. Hal ini kerana, terdapat pelbagai medium yang boleh digunakan dalam media untuk tujuan menyampaikan maklumat seperti saluran berita televisyen, rancangan realiti yang berbentuk keagamaan dan ilmiah, drama, filem, dokumentari, bual bicara yang berbentuk keagamaan dan halaqah seperti yang berjaya ditayangkan oleh Astro Oasis iaitu Indahnya Iman, Salam Muslim, Pencetus Ummah dan sebagainya.

Program-program yang dipertontonkan mampu untuk mengubah persepsi baik dan buruk masyarakat terhadap apa yang dilihat kepada mereka. Oleh itu, media massa tidak boleh dipandang rendah oleh masyarakat Islam. Drama-drama yang berunsur dakwah haruslah menjadi wadah pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dalam menyebarkan mesej-mesej dakwah kepada masyarakat dengan idea dan nilai yang berunsurkan keislaman. Drama ini juga hendaklah mampu memberikan kesedaran terhadap Islam dan mampu mempengaruhi minda serta perasaan penonton.

Sehubungan dengan itu, drama Matahari Terbit Lagi merupakan drama yang diolah dengan cara yang baik dan sarat dengan mesej-mesej pendidikan yang mampu meningkatkan ilmu dan kefahaman masyarakat terhadap agama Islam. Ia juga dianggap sebagai sebuah drama yang baik kerana kurangnya watak dan babak yang keterlaluan. Pelbagai metode dakwah telah dikenalpasti antaranya hikmah, pengajaran dan berdebat telah dimuatkan dalam drama ini. Kesemua ini mencerminkan ia drama dakwah yang berkualiti dan berkesan dalam mendidik jiwa manusia.

8.0 RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Karim Zaidan (1980), *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, terj. H.M Asywadi Syukur, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.

Abdullah Nasih Ulwan (t.t.), *Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam*, Singapore: Pustaka Nasional.

Al-Ghazali, Abu Hamid (2003), *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, Dr Insaf Ramadan ed., Beirut: Dar al-Qutaybah.

Al-Qaradhawi, Yusuf (1999), *Seni Dalam Islam*, terj. Mohd. Nazri Dollah. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Alan Hancock (1970), *Mass Communication*, London: Longman Group Limited.

Al-Buti, Sa'id Ramadan (1991), *Fiqh Sirah Nabawiyah*, Beirut: Dar al-Fikri.

Asiah Sarji (2009), "Pembangunan Industri Perfileman Malaysia dalam Konteks Pendekatan Islam Hadhari" dalam *Komunikasi Di Malaysia: Suatu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, ed. Mohd Safar Hasim dan Zulkiple Abd. Ghani, Bangi: Institut Islam Hadhari

Carlson, [John R.](#), Zmud, [Robert W.](#) (1999), "Channel Expansion Theory and The Experiential Nature of Media Richness Perceptions", *Academy Manage Journal*, Vol. 42, No. 2, pp. 153-170.

Charles R. Wright, *Functional Analysis and Mass Communication Revisited*, dicapai pada 26 May 2016, http://repository.upenn.edu/asc_papers/86

Christine Beckert (1992), *Getting Started in Mass Media*, United State: NTC Publishing Group.

Fatmawati. (2010), "Paradigma Baru Mengemas Dakwah Melalui Media Televisi Di Era Globalisasi", *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, Vol. 4, No. 2, 184-194.

George Rodman (2010), *Mass Media In Changing World*, 3rd ed, New York: McGraw Hill.

Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (1988), *Lisan, al-'Arab*, jil. 4, Beirut: Dar al-Ihya' Turath al-'Arabi.

Juliana Abdul Wahab, Wang Lay Kim, Sharifah Shahnaz Syed Baharuddin (2013), *Asian Dramas And Popular Trends In Malaysian Television Industry*, *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 29(2): 159-174.

Juliana Abdul Wahab (2010), *Malaysian Reality TV: Between Myth And Reality*, *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 26(2): 17-32.

Kamus Dewan (2007), ed ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Karthigesu, R. (1990), *Two Decades Of Growth And Development Of Malaysian Television And An Assessment Of Its Role In Nation Building*, Unpublished Ph.D Thesis: Leceister.

Karthigesu, R. (1994). *The historical development of television in Malaysia:1963-1983*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Marina Munira Mutalib, et.al, (2011), "Tugas dan Tanggungjawab Media Dalam Pembangunan Insan", in Representasi Islam Dalam Media, Dalam Muhammad Zaki Mustafa et al (Pyt.), Representasi Islam Dalam Media, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Md Azalanshah Md Syed. (2011). Soap Opera As A Site For Engaging With Modernity Amongst Malay Women In Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*.13 (1): 17-36.
doi: http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/articles/2954/02_JPMM%202011_No_1.pdf
- Meor Zailan Sulaiman (1992). The emergence of commercial television in Malaysia and its performance during the early period of its existence. *Malaysian Journal of Communication*, Vol.8, pp. 49-63.
- Ministry of Information. (1997). Fact File: Kuala Lumpur.
- Mohd Baharudin Othman et al (2004), Pengantar Komunikasi. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2012), Perhubungan Media di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Yusof Hussain (1998), Peranan Media Massa Dalam Menyampaikan Risalah Islam, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Monika@ Munirah Abd Razzak & Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2016). Tadabbur Surah Al-Asr Oleh Nouman Ali Khan Menerusi Aplikasi Powtoon. Dalam Sedek Ariffin, Khadher Ahmad & Selamat Amir (edi.), Tadabbur Al-Quran: Isu dan Cabaran Semasa, Kuala Lumpur: APIUM.
- Muhammed Yusof (2012), "Nasyid Di Radio Dakwah : Kajian Terhadap Nasyid Di Radio IKIM.FM". PhD thesis, Department of Dakwah & Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah (2008), Ahmad Mukhtar Umar ed., Kaherah: 'Alim al-Kutub, j. 2:1541.
- Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad (2014), "Media Sebagai Wasilah Dakwah", *Jurnal Al-Hikmah*, Vol. 6, pp. 91-98.
- Nur Athiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham (2009), "Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim", *Jurnal Hadhari* 2
- Pieter J. Fourie (2009), *Media Studies, Media History, Media and Society*, South Africa: Juta & Co.
- Rahmah Bujang (2015), *Drama Melayu dari Skrip Ke Pentas*, Ed. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Rogers, E. dan Singhal, A. (2000), *Entertainment Education In Asian Nations*, *Asia Pacific Media Educator* 9, no.7, 87.
- Rosmawati Mohd Rasit dan Md Rozalafri Johori (2011), Analisis Penerapan Dakwah di dalam Filem Semerah Padi, Dalam Muhammad Zaki Mustafa et al (Pyt.), Representasi Islam Dalam Media, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tjokroatmojo (1985), *Pendidikan Seni Drama (Suatu Pengantar)*, Surabaya: Usaha Nasional.
- Wikipedia, Laydan Mortensen 13 Februari (2008) <https://ms.wikipedia.org/wiki/Televisyen#/media/File:TV-introduction-world-map.svg> dicapai 13 Jun 2017.
- Zaharom, Nain. (1996) 'The impact of the international marketplace on the organization of Malaysian television', in French, D. and Richards, M. (Ed.), *Contemporary Television: Eastern Perspective*, 157-180, London: Sage.
- Zulkiple Abd. Ghani (1996), "Profesional Dalam Komunikasi Dakwah", *Jurnal al-Maw'izah* 4 (Jun 1996).

Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributers Sdn. Bhd. Rahmah Hashim (2001), *Media dan Keluarga*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam.

“Anugerah Skrin 2014”, dicapai pada 8 Jun 2015, <http://www.anugerahskrin.com/?p=129>

“Pencetus Ummah: Jelajah Tujuh Negeri”, Metro Harian, 11 April 2014, http://www.hmetro.com.my/articles/PencetusUmmah_JelajahTujuhNegeri/Article?hm